

PERATURAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN BERSEMUKA KOLEJ POLY-TECH MARA

1. Pelajar hanya dibenarkan mengambil peperiksaan bagi kursus yang terdapat di dalam slip menduduki peperiksaan sahaja.
2. Pelajar hendaklah membawa kad ID pelajar atau kad pengenalan/ paspot dan diletakkan di sebelah kanan meja sehingga peperiksaan berakhir.
3. Pelajar dikehendaki menulis no. Kad id pelajar dan nama pelajar dengan terang dihadapan kulit luar buku jawapan peperiksaan yang diberikan oleh pengawas peperiksaan.
4. Pelajar dikehendaki menggunakan **pen dakwat kekal** (pen mata bulat). Menulis dengan menggunakan pensil adalah **TIDAK** dibenarkan sama sekali.
5. Pelajar dikehendaki berpakaian sopan dan kemas mengikut peraturan rupa diri seperti yang digariskan oleh bahagian hal ehwal pelajar kolej poly-tech mara.
6. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN:**
 - a. membawa masuk nota/buku, kertas dan dokumen yang berkaitan.
 - b. membawa masuk sebarang peralatan elektronik kecuali ia adalah keperluan peperiksaan, sekiranya pelajar membawa telefon bimbit, ia hendaklah **dimatikan** serta diletakkan di bawah meja.
 - c. membaca atau cuba membaca kertas jawapan pelajar lain dan tidak dibenarkan meniru semasa peperiksaan.
 - d. berkomunikasi dan mengganggu ketenteraman pelajar lain semasa peperiksaan.
 - e. meninggalkan bilik peperiksaan 30 minit pertama dan 30 minit terakhir peperiksaan.
 - f. masuk ke dewan peperiksaan 30 minit selepas peperiksaan telah bermula.
 - g. keluar ke tandas kecuali ditemani oleh pengawas peperiksaan.
7. Pelajar dikehendaki mengangkat tangan bagi menarik perhatian pengawas peperiksaan jika memerlukan kertas jawapan tambahan atau sebarang bantuan lain.
8. Pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini atau mana-mana arahan ketua pengawas/pengawas peperiksaan boleh dihalang dari menduduki peperiksaan dan sekiranya pelajar ada melakukan (kesalahan) akademik, pelajar akan dihadapkan ke Jawatankuasa Tatatertib Akademik pelajar (JKTAP) mengikut **PERATURAN AKADEMIK KPTM** terkini.

BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK
KOLEJ POLY-TECH MARA IBU PEJABAT

Tarikh Berkuatkuasa: Sesi Julai 2021